

01/09/1999

PM tegas pertahankan Islam di Malaysia

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

KETIKA berucap di hadapan kira-kira 2,000 imam dan pegawai masjid di Alor Star, Kedah, kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa beliau tidak akan membiarkan Islam diperalatkan golongan tertentu untuk merebut kuasa pemerintahan negara.

Bagi membuktikan bahawa beliau serius, Dr Mahathir akan menentang golongan berkenaan secara habis-habisan bagi menjaga kepentingan Islam dan umatnya di negara ini.

"Saya tidak akan undur kerana saya berasa bertanggungjawab. Kalau saya buat benda yang salah saya akan tanggung akibatnya di dunia dan di akhirat. Saya tak rela untuk membenarkan orang yang memeralat agama Islam semata-mata memancing undi untuk mendapat kejayaan.

Walaupun saya terpaksa berperang saya akan perang kerana yang nak dipertahankan ialah agama Islam dan penganut agama Islam di Malaysia...orang Melayu," katanya.

Walaupun tidak menyatakan pihak terbabit, tetapi adalah jelas ia ditujukan kepada Pas yang acap kali dilihat menggunakan agama untuk menakut-nakutkan umat Islam negara ini supaya menyokong parti mereka.

Kesediaan Dr Mahathir tidak berundur daripada tanggungjawab sebagai pemimpin yang mempertahankan umat Islam Malaysia itu dilihat sebagai ketegasannya untuk memastikan negara ini tidak jatuh kepada golongan yang mengambil kesempatan semata-mata untuk berkuasa.

Apatah lagi pendiriannya dinyatakan di hadapan Tok Imam dan Tok Bilal serta pegawai masjid di Kedah yang ramai pihak tahu bahawa aliran politik mereka condong kepada Pas.

Keberaniannya mengeluarkan kenyataan sedemikian kepada golongan yang beliau sendiri tahu kebanyakannya berpihak kepada Pas juga dilihat sebagai usaha memastikan umat Islam tidak terus terpedaya dan keliru dengan penyelewengan pemimpin parti itu.

Menurut Dr Mahathir, akibat daripada penyelewengan pemimpin Pas, termasuk mentafsir Islam, khususnya al-Quran dan hadis untuk kepentingan politik parti, Pas seolah-olah mengugut umat Islam supaya mengundi mereka atau terpaksa menanggung dosa kerana tidak menyokong perjuangannya.

Bagi yang percaya dengan dakwah itu, mereka menyokong Pas dan mengakui apa saja yang dikatakan pemimpinnya sebagai benar dengan alasan takut kepada balasan kerana melakukan dosa. Tetapi, seperti kata Dr Mahathir, penyelewengan agama Islam oleh Pas memang banyak dengan yang terbaru dakwaan kononnya Allah juga mencarut.

Cabaran yang dilontarkannya kepada pemimpin Pas, khususnya Mursyidul Am pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat bagi membuktikan ada ayat al-Quran yang membenarkan umatnya mencarut juga sehingga kini belum disambut.

Malah setiap kali membuat ucapan dalam siri lawatannya di seluruh negara, beliau melontarkan cabaran itu tetapi tidak pernah mendapat sambutan daripada pemimpin Pas, sebaliknya mengalihkan isu itu kepada perkara lain.

Justeru, sekarang terpulang kepada umat Islam untuk membuat pilihan dan mengkaji sendiri sama ada benar mereka akan berdosa jika tidak menyokong Pas.

Tetapi, jika ketaksuban kepada pemimpin menjadi pegangan, pasti sukar bagi mereka membuat penilaian dan pemilihan yang tepat. Begitu juga jika mereka percaya kononnya mengundi BN menyebabkan mereka berdosa dan pahala berlipat kali ganda jika menyokong Pas.

Bagaimanapun, berdasarkan kegagalan pemimpin Pas membuktikan ayat al-Quran membenarkan umatnya mencarut dan Allah sendiri mencarut, adalah lebih mudah bagi umat Islam untuk membuat penilaian.

Pada masa yang sama, umat Islam, terutama golongan ulama yang yakin dengan usaha kerajaan perlu bangkit untuk memberi penerangan sejelas-jelasnya kepada rakyat supaya mereka tidak terus terpedaya.

Mereka perlu menyuarakan pendirian seperti Dr Mahathir menyatakan keyakinan bahawa apa yang dilakukannya adalah betul dan sanggup menanggung akibatnya jika ia tidak benar.

Ia penting kerana jika Dr Mahathir yang mereka anggap sebagai pemimpin sanggup berkorban apa saja untuk kepentingan umat Islam, tidak ada sebab bagi golongan yang mengakui kewibawaan Dr Mahathir untuk melakukan perkara yang sama.

Berikutan itu, perkara pokok yang perlu diambil kira ialah siapa yang akan menanggung dosa jika membiarkan umat Islam dipimpin mereka yang tidak bertanggungjawab.

Selain itu, yang turut diberi perhatian serius ialah bukan dosa kerana menyokong Pas, sebaliknya dosa yang lebih besar akibat membiarkan generasi akan datang dipimpin golongan berselindung di sebalik agama Islam.

(END)